



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

**LAPORAN LAKSANA KE-12
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN
RAKYAT (PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA
(PENJANA)**

8 JULAI 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan Salam Hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam **Laporan LAKSANA Ke-12**. Laporan pada minggu ini 12 akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pertama, pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan isu ekonomi semasa.

PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

2. Kita mulakan dengan pencapaian terkini Pakej PRIHATIN, dengan langkah-langkah di bawah matlamat 1 iaitu "Lindungi Rakyat".
3. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**
 - a. Antara 26 Jun hingga 6 Julai, lebih kurang 30,000 penerima BPN telah menerima bayaran di cawangan-cawangan BSN seluruh negara. Ini membawa jumlah penerima BPN kepada 10.245 juta dengan keseluruhan bayaran BPN sebanyak RM10.92 bilion. Ini mewakili tahap pelaksanaan pada **97.5%**.
 - b. Bayaran kumpulan rayuan BPN pula, penerima yang lulus telah dibayar mulai 24 Jun 2020. Sehingga 6 Julai, **140 ribu individu bujang dan isi rumah** telah menerima bantuan BPN berjumlah **RM120 juta** daripada peruntukan **RM139**

juta. Bagi perayu yang lulus tetapi masih belum menerima bayaran, mereka boleh berbuat demikian dengan hadir ke Cawangan BSN seluruh negara sehingga 31 Disember 2020.

4. **Kedua, insentif tunai kepada pemandu teksi, pemandu pelancong dan pemandu bas pelancongan.** Sehingga 6 Julai, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada **28,962 pemandu teksi berjumlah RM17.4 juta** buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua, tarikh permohonan rayuan telah ditutup pada 1 Julai yang lalu dan sedang dalam proses semakan. Pembayaran dijangka akan dibuat pada pertengahan bulan Julai. Bagi pemandu pelancong pula, seramai **7,414 pemandu pelancong** telah menerima bantuan berjumlah **RM4.4 juta**. Manakala, status bagi pemandu bas pelancongan sedang dikemaskini dan akan diumumkan pada hujung bulan Julai 2020.

Jenis Insentif	Subsidi Peruntukan: (RM juta)	Jumlah Penerima*	Jumlah Pembayaran (RM juta)
Pemandu teksi	50	28,962*	17.4
Pemandu pelancong		7414	4.4
Pemandu bas pelancongan		Sedang dikemaskini, akan diumumkan pada hujung bulan Julai 2020	

*Tidak termasuk pemandu teksi fasa 2

5. Seterusnya, pencapaian langkah-langkah Pakej PRIHATIN di bawah Matlamat 2 iaitu "Sokong Perniagaan".
6. **Pertama, Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS Mikro:**
- Setakat 6 Julai, jumlah keseluruhan GKP yang dibayar adalah bernilai lebih kurang **RM1.634 billion** dan ini telah memanfaatkan **544,632 PKS Mikro**. Pembayaran kumpulan rayuan GKP bermula minggu lalu dan perkembangan terkini akan dimaklumkan minggu depan.
 - Alhamdulillah, GKP ini telah dapat serba sedikit membantu golongan peniaga PKS mikro dalam menghadapi suasana ekonomi mencabar. Baru-baru ini rakan kerja saya di Kementerian berpeluang untuk bertemu dengan peniaga mikro yang telah menerima GKP. Izinkan saya berkongsi video pertemuan mereka.
7. **Kedua, Program Subsidi Upah:**
- Sehingga, 6 Julai sebanyak **RM7.15bilion** telah diluluskan bagi **310,622** majikan yang memanfaatkan lebih **2.48 juta** pekerja.
 - Pada minggu lalu, saya telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke ibu pejabat PERKESO untuk melihat pelaksanaan bantuan kepada majikan dan pekerja yang terkesan COVID-19. PERKESO adalah antara salah satu agensi pelaksana yang penting bagi langkah-langkah dan inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN dan PENJANA. Antara langkah tersebut termasuk program subsidi upah dan subsidi upah ditambahbaik, program pengekalan pekerja, insentif pengambilan pekerja

dan juga program PENJANA Kerjaya. Secara keseluruhannya, PERKESO diamanahkan dengan pelaksanaan peruntukan berjumlah **RM17 billion** sehingga ini.

- c. Saya juga telah mengadakan sesi dialog bersama dengan warga PERKESO dari seluruh Malaysia. Saya amat kagum dengan dedikasi dan komitmen anggota PERKESO. Daripada menjawab beribu-ribu panggilan talipon hingga ke soalan-soalan yang berbangkit di laman media sosial, saya dapat melihat semangat dan keikhlasan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang awam. Tahniah diucapkan kepada anggota PERKESO.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
3 Julai	7.15	310,622	2.48
26 Jun	7.07	307,518	2.46
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

*Jumlah kumulatif

8. **Ketiga, Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP:** Sehingga 6 Julai 2020, sebanyak **37,900 permohonan telah diterima** dan daripadanya, **10,528 permohonan telah diluluskan** bernilai **RM70.4 juta** bagi caruman KWSP majikan. Kerajaan ingin menekankan bahawa KWSP akan membuat pemantauan rapat untuk memastikan caruman yang distruktur semula akan tetap dibayar pada masa hadapan. Tindakan boleh diambil ke atas majikan yang tidak menunaikan tanggungjawab masing-masing dari segi caruman untuk tabung persaraan pekerja.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
3 Jul	37,900	10,528	70.4
26 Jun	36,107	9,542	63.9
19 Jun	34,246	8,489	56.8
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

9. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Sehingga 6 Julai 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM8.7 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **21,104 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
3 Jul	8.7	20,104
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

10. **Kelima**, bagi **Skim Kredit Mikro BSN** dan **TEKUN Nasional** pula, sehingga 6 Julai 2020:
- Di bawah Skim Kredit Mikro BSN, sebanyak **8,737** permohonan daripada peniaga mikro telah diluluskan, bernilai **RM296.99 juta**.
 - Bagi program TEKUN, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **25,278** bernilai **RM192.98 juta**.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)
3 Julai	8,737	296.99	25,278	192.98
26 Jun	7,577	260.6	25,071	191.50
19 Jun	6,742	236.4	22,843	174.63
12 Jun	6,074	216.7	21,674	166.14
5 Jun	5,222	191	19,382	151
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72

3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

*Jumlah Kumulatif

11. Seterusnya adalah pencapaian langkah di bawah **Matlamat 3 PRIHATIN** iaitu **Perkukuh Ekonomi**.
12. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan**, sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 6 Julai 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM51.4 bilion**. Dari angka ini, sebanyak **RM17.9 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan** manakala **jumlah yang dimanfaatkan oleh Rakyat bernilai RM33.38 bilion**.
13. Walaupun hanya bersifat sementara, pemberian moratorium ini dilaksanakan pada masa yang tepat dan dapat membantu golongan terjejas terutama yang kehilangan sumber pendapatan. Ini dapat meringankan bebanan kewangan dan membantu isi rumah terjejas untuk meneruskan kehidupan tanpa perlu risau memikirkan komitmen hutang.
14. **Peminjam diingatkan bahawa tempoh moratorium ini akan berakhir pada 30 September 2020**. Namun, bagi mereka yang masih terkesan dari segi kewangan dan mungkin memerlukan kemudahan penyusunan dan penjadualan, diseru agar mendapatkan bantuan awal dan bersasar. Ini dapat dibuat dengan menghubungi institusi kewangan masing-masing atau **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)** bagi mendapat khidmat nasihat.
15. Kini, sudah lebih 3 bulan tempoh pelaksanaan sejak Pakej PRIHATIN diumumkan pada 27 Mac 2020 yang lalu. Ingin saya ingatkan bahawa ada langkah-langkah yang bersifat *one-off* dan ada yang dilaksanakan antara 3 hingga 6 bulan. Sukacita saya berkongsi bahawa:
 - a. bagi pemberian tunai secara *one-off* - seperti bantuan kepada pelajar IPT, pemandu e-hailing dan teksi, pesara kerajaan, dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM14.3 bilion**, tahap pencapaian **pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu 91%**; dan
 - b. bagi inisiatif yang melibatkan perlaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti diskaun bil elektrik, subsidi upah (asal), moratorium, e-CAP KSWP dan lain-lain – yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM126.4 bilion**, **pelaksanaan adalah pada tahap 47%**. Ini adalah kadar yang memberangsangkan memandangkan kita berada pada peringkat pertengahan pelaksanaan langkah-langkah tersebut.
 - c. *The key point to convey here is that **we are on track**. While we have had ups and downs and challenges along the way, we are progressing well and we look forward to seeing through the implementation of all measures.*

- a. Dalam menyempurnakan langkah-langkah PRIHATIN, pihak Kerajaan melalui unit LAKSANA akan mempertingkatkan usaha bagi mencapai matlamat yang dihasratkan bagi membantu Rakyat dan peniaga.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudari yang dihormati,

16. Seterusnya, saya ingin mengulas sedikit mengenai Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA.
17. **Pertama**, di bawah program MY30, di mana Kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi penggunaan tanpa had dengan bayaran RM1 sahaja sehari selama 30 hari untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT. **Setakat 30 Jun 2020, sebanyak 77,790 pas telah dijual** dan subsidi Kerajaan bagi pas-pas MY30 setakat ini bernilai **RM13.2 juta**.
18. **Kedua, PENJANA Kerjaya iaitu program insentif pengambilan pekerja dan bantuan latihan (*hiring incentive and training assistance*)**, dengan peruntukan Kerajaan sebanyak **RM1.5 bilion**. Sehingga 6 Julai, **106,308 kekosongan jawatan** dipaparkan, dan **123,919 pencari kerja** di daftarkan melalui inisiatif MYFutureJobs.
19. Ketiga, inisiatif **PENJANA Gig**. Kerajaan tidak melupakan Rakyat Malaysia yang selama ini bekerja tanpa jaringan keselamatan sosial, khususnya pekerja **ekonomi gig**.
 - a. Di bawah inisiatif PENJANA Gig, beberapa sesi libat urus telah dijalankan bersama sektor pertanian, penjaja, pengangkutan penumpang, barangan dan makanan, serta lebih 38 penyedia platform perkhidmatan gig.
 - b. Menurut PERKESO, kesedaran masih kurang dan sejak Januari 2020 hingga kini, hanya **7% atau 28,425** pekerja ekonomi gig berdaftar dengan PERKESO -- daripada sasaran 400,000 pekerja.
 - c. Kerajaan berharap agar lebih ramai pekerja akan mencarum dengan PERKESO agar mendapat perlindungan PENJANA GIG. Dengan bayaran sebanyak RM232.80 untuk setahun, Kerajaan membayar 70% (RM163) manakala 30% (RM69.80) ditampung penyedia platform.
 - d. Oleh itu, kalau tuan-tuan dan puan-puan menaiki Grab atau membuat tempahan makanan dengan FoodPanda, tanyakanlah pekerja gig tersebut – “dah mencarum dengan PERKESO ke belum?” Kalau dah, beri mereka rating 5-star.
 - e. Saya juga berkesempatan untuk berjumpa dengan beberapa pekerja dan majikan yang menerima manfaat daripada Program PENJANA Gig serta keselamatan sosial tersebut. Alhamdulillah, penerimaan bantuan amat baik dan telah dapat membantu mengurangkan beban aliran tunai perniagaan, serta menyelamatkan pekerjaan. Izinkan saya berkongsi paparan ringkas lawatan tersebut.

ULASAN ISU EKONOMI SEMASA

20. Semalam, saya telah dijemput untuk memberi ucap tama di persidangan *Invest Malaysia* Kuala Lumpur ke-16. Di dalam ucapan saya, saya berkongsi bahawa para pelabur telah kembali ke pasaran Malaysia pada bulan Mei untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang mampu mengambil manfaat dari pembukaan semula ekonomi, dan juga dari segi langkah-langkah rangsangan ekonomi yang diperkenalkan, serta insentif cukai yang ditawarkan oleh Kerajaan.
21. Anda semua mungkin berfikir ini hanyalah kata-kata saya semata-mata. Namun, lihat sahaja dari sudut objektif, di mana pelbagai **penilaian kedudukan global juga telah mengesahkan kedudukan Malaysia dalam pelbagai aspek, dan merupakan sebuah pengesahan terhadap dasar dan langkah-langkah Malaysia yang baik.**
22. Izinkan saya berkongsi kedudukan Malaysia dalam beberapa penilaian global seperti berikut:
 - a) Tangga Ke-4 di dunia dalam pengurusan krisis COVID-19 menurut *Toluna-Blackbox Index of Global Crisis Perceptions 2020*;
 - b) Tangga Ke-12 dalam Laporan *Ease of Doing Business 2020* oleh Bank Dunia;
 - c) Tangga Ke-12 dalam *DHL Global Connectedness index 2019*;
 - d) Tangga Ke-26 dalam *Global Talent Competitiveness Index 2020*; dan
 - e) Tangga Ke-27 dalam *World Economic Forum's 2019 Global Competitiveness Index*.
23. Daripada pencapaian kedudukan tersebut, pelaburan keseluruhan Malaysia yang diluluskan adalah bukti keberkesanan kita **dalam memudahkan perniagaan atau ease of doing business**. Pada tahun 2019, meskipun dengan latar belakang persekitaran ekonomi yang mencabar, Malaysia berjaya mencatat dan meluluskan pelaburan sebanyak RM208 bilion.
24. Daripada jumlah tersebut, Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah sebanyak 40% manakala selebihnya adalah daripada Pelaburan Langsung Domestik. Jumlah ini menghasilkan lebih 5,000 projek, dan dijangka akan mewujudkan lebih 120,000 peluang pekerjaan baharu. Pelabur dari Amerika Syarikat, China dan Jepun merupakan penyumbang terbesar, mewakili 66% daripada jumlah FDI yang diluluskan.
25. Terdapat ramai lagi pelabur yang teguh bertapak dan melabur di Malaysia. Ini mengesahkan daya saing dan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Saya ingin meyakinkan semua bahawa Kerajaan tetap komited dalam menyokong pelabur asing, terutama mereka yang menambah nilai kepada teras ekonomi Malaysia di samping menjana peluang pekerjaan, seperti memupuk bakat baharu dan syarikat Malaysia untuk menjadi pemain global.
26. Berlandaskan asas ekonomi dan institusi yang kukuh, InsyaAllah, Malaysia masih kekal berdaya saing walaupun telah berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk Krisis Kewangan Asia dan Krisis Kewangan Global. Pada masa yang sama, ekosistem pasaran modal Malaysia juga dilengkapi dengan pasaran kewangan yang dikawalselia dengan rapi.

27. Memandang ke hadapan, komitmen Kerajaan adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan, tadbir urus yang lebih baik, pengurusan kewangan awam dan penyusunan semula struktur ekonomi untuk kelangsungan dan daya tahan ekonomi Malaysia. Dengan usaha ini, InsyaAllah kita akan mampu menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia.

PENUTUP

Saudara dan saudari sekalian,

28. Sekian sahaja laporan pada minggu ini. Saya berharap perkongsian ini dapat memberi keyakinan kepada anda semua terhadap komitmen Kerajaan bukan sahaja dalam membantu rakyat dan perniagaan, tetapi juga memastikan ketelusan dan keberkesanan komunikasi.
29. Sebelum mengakhiri Laporan Laksana Ke-12 ini, izinkan saya berkongsi dua rangkap pantun:

*Pohon merbau, pohon berangan
Meranti Bukit di tepi lembah
Walau cabaran banyak rintangan
Bersama hadapi dengan tabah.*

*Pohon cengal teguh berdiri,
Redupkan hari penuh cahaya
Mantapkan azam di dalam diri
Negara Malaysia pasti berjaya.*

30. Sehingga kita berjumpa lagi pada minggu depan, InsyaAllah. Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

8 Julai 2020

[TAMAT]